GUNASINGAM KOLASEGARAM & YANG LAIN

lwn.

TIMBALAN MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI MALAYSIA & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
ZAHARAH IBRAHIM PK
[PERMOHONAN JENAYAH NOS: 44-96-2004, 44-97-2004, 44-98-2004 & 44-100-2004]
22 OGOS 2005

TAHANAN PENCEGAHAN: *Perintah tahanan - Penahanan semula - Kuasa Menteri - Tahanan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 - Menteri mengeluarkan perintah tahanan kedua selepas pemohon dibebaskan oleh mahkamah - Perintah Kedua menggunakan alasan yang sama seperti Perintah Pertama - Sama ada mala fide - Sama ada res judicata - Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 ss. 3, 4(1), 5(2), 7C - Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 ss. 8, 73 - Perlembagaan Persekutuan per. 5, 151*

Kelima-lima pemohon ('pemohon') telah dikenakan perintah tahanan di bawah s. 4(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 ('Ordinan') berdasarkan perintah tahanan yang dibuat oleh Timbalan Menteri ('Perintah Pertama'). Ekoran permohonan *habeas corpus* pemohon, kesemua pemohon telah dilepas dan dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi pada 10 September 2004. Pemohon, bagaimanapun, telah ditahan semula ekoran satu perintah baru yang dibuat oleh Timbalan Menteri ('Menteri') yang memerintahkan supaya pemohon ditahan untuk tempoh dua tahun ('Perintah Kedua'). Fakta menunjukkan bahawa alasan dan pengataan-pengataan fakta yang digunakan untuk penahanan pemohon di bawah Perintah Kedua adalah sama seperti yang digunakan untuk Perintah Pertama, dan oleh yang demikian, dalam permohonan *habeas corpus* yang kedua mereka di sini, pemohon berhujah bahawa penahanan semula mereka di bawah Perintah Kedua adalah tidak sah dan cacat kerana ianya: (i) satu penyalahgunaan kuasa mahkamah atau penghinaan kepada perintah Mahkamah Tinggi yang terdahulu; dan (ii) *mala fide* dan terhalang oleh *res judicata.* Selain itu, pemohon juga menghujahkan bahawa Perintah Kedua adalah defektif kerana tidak jelas dan mengelirukan, bahawa Menteri gagal mengarahkan mindanya terhadap alasan dan kewajaran Perintah Kedua, bahawa pegawai yang menandatangani pernyataan tentang alasan bagi pembuatan Perintah Kedua ('Encik Nazree') tidak berkuasa menyediakan pernyataan tersebut ('Lampiran E'), bahawa pegawai yang dipertanggungjawabkan (designated officer) gagal mengarahkan

mindanya terhadap laporan tangkapan sebelum menyerahkannya kepada Menteri, dan bahawa Perintah Kedua telah melanggar peruntukan-peruntukan tertentu Perlembagaan Persekutuan.

Diputuskan (menolak permohonan):

[1] Dalam kes ini, tiada rayuan dibuat terhadap Perintah Pertama. Perintah pembebasan yang dibuat oleh mahkamah terdahulu juga telah dipatuhi. Malah, Perintah Kedua hanya dibuat selepas 28 hari pemohon dibebaskan. Oleh yang demikian, penahanan semula pemohon di bawah Perintah Kedua bukan merupakan satu penghinaan kepada perintah Mahkamah Tinggi terdahulu. (ms. 150 a-b)

[2] Mahkamah tiada kuasa untuk mengkaji secara kehakiman kepuasan hati pihak berkuasa yang menahan pemohon. Oleh sebab kepuasan hati Yang di Pertuan Agong atau Menteri tidak boleh dicabar atau disemak semula secara kehakiman, maka mahkamah hanya boleh meneliti dan membuat keputusan berkenaan dengan tatacara penahanan sahaja. Ini selaras dengan peruntukan 7C Ordinan. (ms. 150 c-g)

[2a] Ianya mengikut bahawa, seandainya seseorang yang telah dilepaskan daripada tahanan berdasarkan writ *habeas corpus* diperintahkan ditahan semula kemudiannya atas alasan yang sama dengan alasan bagi penahanan pertama, mahkamah tiada kuasa untuk menggunakan hakikat kesamaan alasan itu sebagai asas untuk memutuskan bahawa penahanan kedua atas alasan yang sama itu tidak sah selagi Menteri masih berpendapat bahawa alasan itu mewajarkan penahanan orang yang berkenaan. Oleh sebab mahkamah tiada kuasa sedemikian, maka penahanan yang berikutnya itu tidaklah menjadi penghinaan mahkamah atau penyalahgunaan kuasa mahkamah. (ms. 150 h)

[3] Sekiranya benar isu yang berbangkit di dalam kes di hadapan mahkamah ini adalah isu yang sama dengan isu yang berbangkit di dalam kes yang berkaitan dengan Perintah Pertama, maka isu itu sudah menjadi *res judicata* dan pemohon sendiri terhalang untuk membangkitkan isu itu sekali lagi. Apapun, jika alasan bagi perintah penahanan tidak boleh dikaji semula oleh mahkamah, maka tidaklah boleh dikatakan bahawa keputusan telah dibuat tentang alasan itu. (ms. 153 f)

[3a] Selain itu, oleh sebab penahanan pemohon di bawah Perintah Kedua merupakan penahanan baru yang berasingan daripada penahanan di bawah Perintah Pertama, maka isu kepatuhan atau ketidakpatuhan tatacara dalam penahanan kedua tidak mungkin dapat dikatakan telah diputuskan semasa mahkamah terdahulu menimbangkan dan membuat

keputusan tentang tatacara penahanan di bawah Perintah Pertama. Oleh yang demikian, isu kepatuhan atau ketidakpatuhan tatacara yang diperuntukkan dalam Ordinan bagi penahanan di bawah Perintah Kedua bukanlah suatu perkara yang sudah menjadi *res judicata*. (ms. 154 c-d)

[4] Perintah tahanan di Perintah Kedua dibuat mengikut alasan cabang kedua s. 4(1) Ordinan.Walaupun alasan itu ditulis dalam dua perenggan, ia tidak mengubah hakikat bahawa alasan yang digunakan adalah alasan untuk menangani keganasan. Oleh yang demikian, walaupun alasan itu menyebut "menghapuskan keganasan" DAN "mencegah jenayah melibatkan kekerasan", tiada apa-apa yang mengelirukan atau tidak jelas di situ. (ms. 156 h & 157 a)

[5] Exsibit SSM-4 dalam afidavit pemohon seperti yang dirujuk oleh Menteri dan Encik Nazree dalam afidavit mereka masing-masing menunjukkan bahawa Encik Nazree telah menandatangani 'Lampiran E' atas arahan Menteri. Dengan itu jelas bahawa Encik Nazree telah diberi kuasa dengan sewajarnya untuk menyediakan Lampiran E. Oleh itu, kehendak supaya orang yang ditahan diberitahu tentang alasan dan pengataan fakta yang berdasarkannya perintah tahanan dibuat sudah dipatuhi apabila Menteri mengarahkan Encik Nazree untuk berbuat demikian. (ms. 158 h-i & 159 a-b)

[6] Proses penahanan pemohon di bawah Perintah Kedua tidak melibatkan penahanan dalam jagaan polis yang melebihi 30 hari. Oleh yang demikian, perkara penangkapan dan penahanan itu tidak pun sampai kepada pengetahuan seseorang pegawai yang ditetapkan (designated officer), dan dengan itu tidak timbul isu pegawai itu tidak mengarahkan mindanya. (ms. 160 d-f)

[7] Oleh sebab s. 3 Ordinan tidak memperuntukkan bahawa orang yang ditahan mesti diberi hak untuk berunding dengan dan diwakili oleh peguam pilihannya, maka dia tidak perlu diberi hak sedemikian dan penafian hak itu tidak bercanggah dengan cabang kedua per. 5(3) Perlembagaan Persekutuan. Maka itu, tiada asas untuk mengatakan bahawa tangkapan dan penahanan pemohon tidak sah kerana dia dinafikan haknya untuk berunding dengan dan diwakili oleh peguam. (ms. 168 d-i)

[8] Perintah Kedua dibuat mengikut kuasa yang sah dan tidak melibatkan sebarang unsur *mala fide*. Juga, tiada ketidakpatuhan tatacara telah berlaku dalam hal penahanan pemohon di bawah Perintah Kedua. (ms. 170 e-f)

Kes-kes yang dirujuk:

Abdul Ghani Haroon v. Ketua Polis Negara & Another Application (No. 4) [2001] 3 CLJ 606 HC ***(refd)***

Abdul Hamid Jamal v. PP [1934] MLJ 46 ***(refd)***

Chong Kim Loy v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Anor [1990] 1 CLJ 61; [1990] 1 CLJ (Rep) 731 HC ***(refd)***

Government of Malaysia v. Dato' Chong Kok Lim [1973] 2 MLJ 74 ***(refd)***

Kam Teck Soon v. Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors [2003] 1 CLJ 225 FC ***(refd)***

Karam Singh v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia [1969] 2 MLJ 129 ***(refd)***

Karpal Singh Ram Singh v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia & Anor [1988] 1 MLJ 468 ***(refd)***

Kerajaan Malaysia & Ors v. Nasharuddin Nasir [2004] 1 CLJ 81 FC ***(refd)***

Lee Gee Lam v. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [1993] 4 CLJ 155 HC ***(refd)***

Lee Mau Seng v. Minister for Home Affairs, Singapore & Anor [1971] 2 MLJ 137 ***(refd)***

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Anor v. Lee Gee Lam & Another Application [1993] 3 MLJ 673 ***(refd)***

Mohamad Ezam Mohd Noor v. Ketua Polis Negara & Ors [2002] 4 CLJ 309 FC ***(refd)***

Ooi Ah Phua v. Officer-in-Charge of Criminal Investigation, Kedah/Perlis [1975] 2 MLJ 198 ***(refd)***

Satyadhyan Ghosel & Ors v. Sint Deorajin Dobi & Anor AIR [1960] SC 941 ***(refd)***

Sundar Singh v. Emperor [1930] AIR Lahore 945 ***(refd)***

Yeap Hock Seng v. Minister of Home Affairs, Malaysia & Ors [1975] 2 MLJ 279 ***(refd)***

Perundangan yang dirujuk:

Emergency (Public Order & Prevention of Crime) Ordinance 1969, ss. 3(3), 4(1), 5(2)(b), 7, prov (a)

Delegation of Powers Act 1956, s. 6(1)

Federal Constitution arts. 5(1), (3), (4), 151

Internal Security Act 1960, s. 8

Bagi pihak pemohon - Mohamed Haniff Khatri Abdulla; T/n Haniff & Rajendran
Bagi pihak responden - Najib Zakaria, TPR

Dilaporkan oleh Rose Aziz

PENGHAKIMAN

Zaharah Ibrahim PK:

Terdapat lima permohonan berasingan yang telah dikemukakan di mahkamah ini, masing-masingnya dengan nombor Kes 44-96-2004, 44-97-2004, 44-98-2004, 44-99-2004 dan 44-100-2004. Oleh sebab penentang dalam kelima-lima permohonan itu adalah pihak yang sama dan isu yang sama hendak dihujahkan dalam kelima-lima permohonan itu, maka, kedua dua pihak telah bersetuju supaya kes-kes itu dibereskan bersekali.

Oleh sebab notis usul dan afidavit-afidavit dan ekshibit-ekshibit yang serupa telah difailkan bagi setiap permohonan itu, maka telah juga dipersetujui oleh kedua-dua pihak bahawa penghujahan akan dibuat dengan merujuk kepada permohonan dan afidavit untuk satu kes sahaja dan penghujahan serta keputusan bagi kes itu akan juga menjadi keputusan bagi empat lagi kes permohonan yang tersebut di atas. Permohonan yang dipilih ialah permohonan 44-97-2004.

Latar Belakang

Kelima-lima pemohon telah diperintahkan ditahan di bawah sub-s. 4(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 (selepas ini disebut "Ordinan") di bawah perintah tahanan yang telah dibuat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia (ketika itu), iaitu yang bertarikh 10 Disember 2003, bagi pemohon pertama dan 20 Oktober 2003 bagi pemohon kedua, ketiga, keempat dan kelima. Bagi kemudahan rujukan, perintah-perintah tahanan itu akan seterusnya secara kolektif disebut "Perintah Pertama".

Kelima-lima pemohon telah membuat permohonan untuk mendapat writ *habeas corpus* daripada Mahkamah Tinggi di Shah Alam dan pada 10 September 2004 kelima-lima permohonan itu telah dibenarkan dan kelima-lima pemohon diperintahkan supaya dilepaskan dan dibebaskan.

Namun demikian, pada 8 Oktober 2004, kelima-lima pemohon telah ditahan semula menurut perintah Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri yang bertarikh 7 Oktober 2004 yang memerintahkan pemohon-pemohon ditahan selama dua tahun bermula dari 8 Oktober 2004 (selepas ini perintah-perintah tahanan itu secara kolektif disebut "Perintah Kedua").

Alasan bagi Perintah Kedua itu dibuat serta pengataan-pengataan fakta yang padanya Perintah Kedua itu diasaskan adalah sama dengan alasan dan pengataan fakta bagi Perintah Pertama.

Alasan Permohonan

Di hadapan mahkamah, peguam yang mewakili pemohon-pemohon telah berhujah dengan panjang lebar tentang dua isu utama, iaitu:

(a) penahanan semula pemohon-pemohon di bawah Perintah Kedua merupakan penyalahgunaan kuasa mahkamah atau penghinaan perintah Mahkamah Tinggi yang terdahulu.

(b) prinsip *res judicata* terpakai dalam hal Perintah Kedua.

Keputusan

Isu Pertama - penyalahgunaan kuasa atau penghinaan perintah Mahkamah

Peguam pemohon telah mengemukakan dua kes sebagai autoriti untuk menyokong hujahnya bahawa penahanan semula pemohon-pemohon di bawah Perintah Kedua merupakan penyalahgunaan kuasa mahkamah atau penghinaan perintah Mahkamah Tinggi yang terdahulu.

Kes yang pertama, ialah kes *Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Anor v. Lee Gee Lam and Another Application* [1993] 3 MLJ 673, iaitu yang telah diputuskan oleh Mahkamah Agung. Kes itu merupakan rayuan oleh Menteri Dalam Negeri terhadap keputusan Mahkamah Tinggi di Pulau Pinang yang telah membenarkan permohonan *habeas corpus* responden. Saya dapati bahawa kes itu semata-mata melibatkan isu kegagalan Menteri yang membuat perintah tahanan menyatakan dengan jelas di bawah cabang yang manakah dalam sub-s. 4(1) Ordinan perintah tahanan itu dibuat.

Saya percaya kes yang sebenarnya hendak dirujuk ialah kes *Lee Gee Lam v. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri* [1993] 4 CLJ 155, iaitu kes yang melibatkan penahanan semula Lee Gee Lam semasa rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang disebut dalam perenggan 9 di atas masih menanti untuk dibereskan oleh Mahkamah Agung.

Kes kedua yang dikemukakan kepada mahkamah ialah kes *Abdul Ghani Haroon v. Ketua Polis Negara & Another Application (No. 4)* [2001] 3 CLJ 606. Peguam pemohon telah menarik perhatian mahkamah ini kepada apa yang dikatakan oleh YA Hakim dalam kes itu, iaitu bahawa:

> it would, nevertheless, be a contempt of court on the part of the police to rearrest the applicants based on the reasons for the original arrest, which arrest and detention the court earlier in the morning had ruled unlawful and *mala fide*.

Setelah meneliti kes-kes itu, saya mendapati terdapat perbezaan ketara antara kes di hadapan saya dengan kes *Lee Gee Lam v. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri* itu. Dalam kes itu, apa yang dihujahkan sebagai penghinaan ialah hakikat bahawa penahanan semula dibuat sedangkan rayuan telah difailkan dan sedang menanti untuk dibereskan terhadap keputusan dalam kes yang pertama. YA Vincent Ng Kim Khoay, Pesuruhjaya Kehakiman (ketika itu) telah memutuskan bahawa:

> As the Minister clearly has the power under s. 4(1) of the Ordinance, to issue a fresh order of detention during the pendency of an application challenging the validity of a prior order of detention his issue of the second detention order cannot *per se* constitute contempt of court.

Dalam kes-kes di hadapan saya, tiada rayuan telah dibuat terhadap Perintah Pertama. Perintah pembebasan yang dibuat oleh mahkamah berkaitan dengan Perintah Pertama telah dipatuhi. Malah, Perintah Kedua telah hanya dibuat selepas 28 hari pemohon-pemohon dibebaskan. Oleh yang demikian, saya tidak nampak bagaimanakah dapat dikatakan bahawa penahanan semula pemohon-pemohon di bawah Perintah Kedua itu merupakan satu penghinaan kepada perintah Mahkamah Tinggi yang terdahulu.

Berkaitan dengan apa yang dikatakan oleh Y.A. Hakim dalam kes *Abdul Ghani Haroon v. Ketua Polis Negara and Another Application (No. 4)* itu pula, saya mengambil panduan daripada kes-kes yang telah diputuskan terdahulu yang intipatinya menegaskan bahawa mahkamah tiada kuasa untuk mengkaji secara kehakiman kepuasan hati pihak berkuasa yang menahan seseorang di bawah undang-undang tahanan pencegahan. Dalam kes *Kerajaan Malaysia & Ors v. Nasharuddin Nasir* [2004] 1 CLJ 81, contohnya, Y.A.A. Steve Shim, HB (Sabah dan Sarawak), semasa menyampaikan keputusan Mahkamah Persekutuan, telah berkata bahawa:

> Whether or not the allegations in the said report on which the s. 8 detention order was based, were sufficient or relevant, was a matter to be decided solely by the Minister. In this case, he was satisfied, on a subjective basis, that the respondent's activities had threatened national security. It was therefore not open to the court to examine the sufficiency or relevance of the allegations contained in the report.

Seksyen 8 yang disebut dalam petikan di atas ialah s. 8 dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 ["Akta 82"]. Akta itu mengandungi s. 8B yang serupa dengan s. 7C Ordinan.

Di bawah s. 7C Ordinan hanya semakan kehakiman boleh dibuat bagi ketidakpatuhan tatacara yang diperuntukkan dalam ordinan itu berkenaan dengan tindakan atau keputusan Menteri atau Yang di-Pertuan Agong. Oleh sebab kepuasan hati Yang di-Pertuan Agong atau Menteri tidak boleh dicabar atau disemak semula secara kehakiman, maka mahkamah hanya boleh meneliti dan membuat keputusan berkenaan dengan tatacara penahanan itu sahaja.

Bererti bahawa seandainya seseorang yang telah dilepaskan daripada tahanan berdasarkan writ *habeas corpus* diperintahkan ditahan semula kemudiannya atas alasan yang sama dengan alasan bagi penahanan pertama, mahkamah tiada kuasa untuk menggunakan hakikat kesamaan alasan itu sebagai asas untuk memutuskan bahawa penahahan kedua atas alasan yang sama itu tidak sah selagi Menteri masih berpendapat bahawa alasan itu mewajarkan penahanan orang yang berkenaan. Oleh sebab mahkamah tiada kuasa sedemikian, maka

penahanan yang berikutnya itu tidaklah menjadi penghinaan mahkamah atau penyalahgunaan kuasa mahkamah semata-mata kerana alasan bagi penahanan yang berikutnya itu sama dengan alasan penahanan yang terdahulu.

Peguam bagi pemohon-pemohon menarik perhatian mahkamah kepada hakikat bahawa dalam kes *Lee Gee Lam v. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri* itu juga telah diputuskan bahawa sekiranya kesilapan dalam perintah tahanan pertama Lee Gee Lam telah dibetulkan dalam perintah tahanan yang kedua, maka penahanan kedua itu sah. Hujah Peguam dalam kes di hadapan saya ialah oleh sebab perintah tahanan dan juga alasan adalah sama dalam Perintah Pertama dan Perintah Kedua, maka tiada pembetulan telah dibuat dan oleh itu tiada justifikasi bagi Perintah Kedua. Oleh itu, hujah beliau, terdapat *mala fide*.

Seperti yang dikatakan di atas, hakikat bahawa alasan bagi Perintah Kedua adalah sama dengan alasan bagi Perintah Pertama tidak boleh dijadikan alasan untuk mentaksahkan Perintah Kedua. Perintah Pertama tentunya telah diputuskan tidak sah kerana terdapat ketidakpatuhan tatacara yang diperuntukkan oleh ordinan. Proses pembuatan Perintah Kedua perlu diteliti untuk menentukan bahawa bukan saja ketidakpatuhan yang wujud dalam pembuatan Perintah Pertama tidak berulang, tetapi juga bahawa tiada ketidakpatuhan lain wujud.

Dalam kes *Karam Singh v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia* [1969] 2 MLJ 129, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa apabila dibuktikan bahawa penahanan perayu dalam kes itu telah dibuat pada menjalankan kuasa yang sah di sisi undang-undang, maka beban untuk menunjukkan bahawa kuasa itu telah dijalankan dengan cara yang tidak patut atau dengan *mala fide* terletak pada perayu itu.

Tentang beban itu pula, dalam kes *Yeap Hock Seng @ Ah Seng v. Minister of Home Affairs, Malaysia & Ors* [1975] 2 MLJ 279, Y.A. Abdoolcader HMT (ketika itu) telah berkata, di m.s. 282, bahawa:

> The onus of proving *mala fides* on the part of the detaining authority is on the applicant and is normally extremely difficult to discharge as what is required is proof of improper or bad motive in order to invalidate the detention order for *mala fides* and not mere suspicion.

Dalam kes *Mohamad Ezam bin Mohd Noor v. Ketua Polis Negara & Other Appeals* [2002] 4 CLJ 309 pula, Mahkamah Persekutuan, melalui Y.A.A. Mohamed Dzaiddin, Ketua Hakim Negara, telah memetik apa yang dikatakan oleh Y.A. Peh Swee Chin HMT (ketika itu) dalam kes *Karpal Singh s/o Ram Singh v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia & Anor* [1988] 1 MLJ 468 di m.s. 473, iaitu bahawa:

Mala fide does not mean at all a malicious intention. It normally means that a power is exercised for a collateral or ulterior purpose, ie for a purpose other than the purpose for which it is professed to have been exercised.

Saya tidak nampak bagaimana ketidakpatuhan tatacara semata-mata, walaupun ketidakpatuhan itu merupakan ketidakpatuhan yang sama seperti dalam pembuatan Perintah Pertama, dapat dijadikan alasan untuk mengatakan wujud *mala fide* dalam pembuatan Perintah Kedua, tanpa apa-apa keterangan lain yang menunjukkan bukti wujud "improper or bad motive" mengikut ujian dalam kes *Yeap Hock Seng* dan kes *Mohamad Ezam* yang dirujuk di atas.

Oleh yang demikian, saya berpuas hati bahawa tidak terdapat penghinaan mahkamah atau *mala fide* dalam kes ini.

Isu kedua - *res judicata*

Isu kedua yang dibangkitkan ialah bahawa prinsip *res judicata* terpakai dalam hal Perintah Kedua.

Peguam perayu telah mengemukakan kepada mahkamah ini dua kes sebagai autoriti bagi hujahnya tentang *res judicata* ini. Kes-kes itu ialah *Abdul Hamid bin Jamal v. Public Prosecutor* [1934] MLJ 46 dan kes *In re May* 28 Ch D 516.

Dalam kes *Abdul Hamid Jamal v. Public Prosecutor* itu, pemohon telah ditangkap dan selepas siasatan dijalankan oleh majistret dan keterangan dikemukakan, dia telah dikomitkan ke penjara di bawah enakmen ekstradisi 1914 sementara menanti penyerahannya kepada kerajaan Belanda bagi suatu kes pecah amanah. Dia telah dibebaskan oleh Y.A. Hakim Hereford atas alasan keterangan yang dikemukakan tidak menyokong pengkomitannya dan bahawa prosiding yang dijalankan adalah cacat. Abdul Hamid telah ditangkap semula dan dikomitkan semula ke penjara sementara menanti penyerahannya kepada kerajaan Belanda bagi kesalahan yang sama. Y.A. Hakim Mudie memutuskan bahawa "The issue was precisely the same as that decided by Hereford, J. on 19 June. The matter cannot be reopened and tried again on fresh evidence".

Dalam kes *In re May* permohonan pempetisyen dalam tahun 1867 untuk pemindahan saham kepunyaan pusaka Elizabeth May telah ditolak kerana tiada keterangan yang cukup untuk membolehkan orang yang berhak kepada saham itu ditentukan. Pada tahun 1882 pempetisyen telah membuat permohonan yang serupa dan mengatakan bahawa dia sudah mempunyai keterangan lanjut bagi menyokong tuntutannya. Bagaimanapun, dia telah tidak mendapat kebenaran mahkamah sebelum mengemukakan petisyennya yang kedua itu. Dalam kes itu, Mahkamah Rayuan mengatakan bahawa:

> The doctrine of *res judicata* is ... a very substantial doctrine, and it is one of the most fundamental doctrines of all Courts, that there must be an end of litigation, and that the parties have no right of their own accord, after having tried a question between them and obtained a decision of a court, to start that litigation over again on precisely the same question.

Saya telah juga merujuk kepada kes *Government of Malaysia v. Dato' Chong Kok Lim* [1973] 2 MLJ 74 kerana dalam kes itu prinsip *res judicata* telah dibincangkan dengan panjang lebar oleh Y.A. Sharma HMT. Antara lain, beliau telah memetik apa yang dikatakan dalam kes *Satyadhyan Ghosel and others v. Sint Deorajin Dobi and Another* AIR [1960] SC 941, iaitu bahawa:

> The principle of *res judicata* is based on the need of giving a finality to judicial decisions. What it says is that once a *res* is *judicata*, it shall be not adjudged again. Primarily it applies as between past litigation and future litigation. When a matter - whether on a question of fact or a question of law - has been decided between two parties in one suit or proceeding and the decision is final, either because no appeal was taken to a higher court or because the appeal was dismissed, or no appeal lies, neither party will be allowed in a future suit or proceeding between the same parties to canvass the matter again.

Yang membezakan kes ini daripada kes-kes yang dirujuk di atas ialah prinsip *res judicata* ini tidak dibangkitkan oleh responden tetapi oleh pemohon, dan pihak yang membawa isu yang dikatakan isu yang sama ini ke mahkamah semula ialah pemohon sendiri.

Berpandukan kes-kes itu, maka pada hemat saya, sekiranya benar isu dalam kes di hadapan saya ini merupakan isu yang sama dengan isu dalam kes yang berkaitan dengan Perintah Pertama, maka isu itu sudah *res judicata* dan pemohon sendiri terhalang untuk membangkitkan isu itu sekali lagi.

Namun, saya berpendapat bahawa hal perkara dalam kes di hadapan saya tidak sama dengan hal perkara di dalam kes yang berkaitan dengan Perintah Pertama.

Sebagaimana yang telah dibincangkan di atas, kepuasan hati menteri tidak boleh dicabar. Oleh yang demikian, sama ada atau tidak alasan yang digunakan bagi penahanan pemohon-pemohon di bawah Perintah Kedua itu wajar atau munasabah tidak boleh dikaji semula oleh mahkamah. Yang hanya dapat dipertimbangkan oleh mahkamah ialah persoalan sama ada kehendak dalam ordinan tentang tatacara yang berkaitan dengan tindakan atau keputusan menteri telah dipatuhi.

Jika alasan bagi perintah penahanan tidak boleh dikaji semula, maka tidaklah boleh dikatakan bahawa keputusan telah dibuat tentang alasan itu. Berbeza pula dengan kepatuhan tatacara yang diperuntukkan dalam ordinan bagi tindakan atau keputusan menteri itu. Kepatuhan tatacara itu boleh dikaji semula secara kehakiman di bawah s. 7C Ordinan.

Pemohon-pemohon telah tidak mengemukakan di hadapan saya alasan mahupun nota prosiding bagi permohonan terhadap Perintah Pertama. Yang dikemukakan di hadapan saya hanyalah afidavit-afidavit yang telah dikemukakan di hadapan mahkamah bagi permohonan *habeas corpus* berkaitan dengan Perintah Pertama itu. Oleh itu, tidaklah diketahui apakah sebenarnya alasan bagi mahkamah membenarkan permohonan itu. Namun, oleh sebab penahanan pemohon-pemohon di bawah Perintah Kedua merupakan penahanan baru yang berasingan daripada penahanan di bawah Perintah Pertama, maka isu kepatuhan atau ketidakpatuhan tatacara dalam penahanan kedua tidak mungkin dapat dikatakan telah diputuskan semasa mahkamah terdahulu menimbangkan dan membuat keputusan tentang tatacara penahanan di bawah Perintah Pertama.

Oleh yang demikian, isu kepatuhan atau ketidakpatuhan tatacara yang diperuntukkan dalam ordinan bagi penahanan di bawah Perintah Kedua bukanlah suatu perkara yang sudah menjadi *res judicata*.

Adakah Terdapat Ketidakpatuhan Tatacara Berkaitan Dengan Perintah Kedua?

Oleh sebab saya mendapati hujah pemohon-pemohon bahawa kes ini sudah *res judicata* tidak berasas maka saya boleh dan perlu sekarang meneliti notis usul dan afidavit sokongan yang dikemukakan oleh pemohon-pemohon bagi menentukan sama ada telah berlaku ketidakpatuhan tatacara yang diperuntukkan dalam ordinan tentang Perintah Kedua terhadap pemohon-pemohon.

Bagi maksud menentukan bahawa tiada ketidakpatuhan, sama ada yang serupa dengan yang berlaku semasa penahanan di bawah Perintah Pertama atau ketidakpatuhan yang lain, wujud berkaitan dengan penahanan di bawah Perintah Kedua itu, saya perlu meneliti alasan yang dikemukakan oleh pemohon-pemohon dalam notis usulnya dan afidavit sokongannya. Seperti yang disetujui oleh pihak-pihak, notis usul dan afidavit pemohon dalam kes 44-97-2004 (selepas ini disebut "pemohon kedua") akan diteliti.

Pemohon kedua mengemukakan alasan yang berikut dalam notis usulnya:

(a) Pegawai yang menandatangani alasan-alasan yang atasnya perintah tahanan dibuat bertarikh 7 Oktober 2004 (dirujuk sebagai 'lampiran "E") tidak mempunyai kuasa untuk mengeluarkan lampiran E itu;

(b) Pegawai yang dipertanggungjawabkan ("designated officer") untuk menyerahkan laporan tangkapan pemohon kepada responden pertama telah gagal untuk mengarahkan mindanya terhadap laporan tangkapan tersebut sebelum diserahkan kepada responden pertama;

(c) Perintah tahanan bertarikh 7 Oktober 2004 tersebut adalah defektif di mana kandungannya adalah tidak jelas dan mengelirukan dan maka itu responden pertama telah gagal mengarahkan mindanya sebelum mengeluarkan perintah tahanan itu;

(d) terdapat pelanggaran hak-hak dalam Perlembagaan Persekutuan sebagaimana yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan di dalam penggunaan undang-undang dan kaedah berkaitan dengan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969;

(e) Pemohon telah ditahan bertentangan dengan kehendaknya dan tanpa alasan yang adil;

(f) Tangkapan semula pemohon ini atas alasan yang sama berbentuk *mala fide* dan berbentuk menindas.

Selain untuk alasan dalam perenggan (f) di atas, yang sudahpun saya bincangkan sebelum ini, tiada hujah telah dikemukakan oleh peguam berkaitan dengan alasan yang lima lagi itu. Oleh yang demikian, saya hanya dapat bergantung pada notis usul dan afidavit sokongan pemohon kedua dan afidavit-afidavit yang difailkan oleh responden-responden sahaja.

Perintah Kedua Defektif Kerana Tidak Jelas Dan Mengelirukan Dan Responden Pertama Telah Gagal Mengarahkan Mindanya Sebelum Mengeluarkan Perintah Itu.

Saya akan bincangkan dahulu alasan yang menjadi isu yang paling penting antara lima alasan yang belum dibincangkan lagi, iaitu sama ada Perintah Kedua itu tidak jelas dan mengelirukan dan sama ada responden telah gagal mengarahkan mindanya sebelum mengeluarkan perintah itu mengelirukan dan tidak jelas.

Pemohon kedua mengatakan bahawa Perintah Kedua mengelirukan atau tidak jelas kerana, menurut afidavit sokongannya, responden pertama, iaitu Y.B. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, telah tidak "membatalkan secara spesifik sub-bahagian yang tidak terpakai di bawah bahagian kedua (2nd limb) dalam s. 4(1) Ordinan".

Perintah Kedua itu mengatakan bahawa Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri berpuas hati bahawa perintah tahanan perlu dibuat ke atas Pemohon Kedua dengan tujuan:

(a) xxx

(b) menghapuskan kekerasan*

(c) mencegah jenayah melibatkan kekerasan*.

Subseksyen 4(1) yang memberi kuasa kepada Menteri untuk mengeluarkan perintah tahanan seperti dalam kes-kes ini berbunyi seperti yang berikut:

> 4. (1) If the Minister is satisfied that with a view to preventing any person from acting in any manner prejudicial to public order it is necessary that that person should be detained, or that it is necessary for the suppression of violence or the prevention of crimes involving violence that that person should be detained, the Minister shall make an order (hereinafter referred to as a "detention order") directing that that person be detained for a period not exceeding two years.

Dalam kes *Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Anor v. Lee Gee Lam and Another Case* yang dirujukkan kepada mahkamah ini oleh peguam pemohon seperti yang dinyatakan di atas, Mahkamah Agung menerima bahawa sub-s. 4(1) Ordinan mengandungi dua cabang alasan yang berbeza yang membolehkan perintah tahanan dibuat oleh Menteri. Dua cabang itu ialah:

(a) "that with a view to preventing any person from acting in any manner prejudicial to public order it is necessary that that person be detained"; atau

(b) "that it is necessary for the suppression of violence or the prevention of crimes involving violence that that person should be detained".

Kata Mahkamah Agung:

> The two above grounds for detention in (a) and (b) are so distinct and different in specie one to the other, that reading them conjunctively does not make for grammatical sense or consistency in the flow of the language ... There being nothing in the Ordinance requiring that the detention order should be in any particular form, the order should be so worded as to show, at least on its face, under which particular limb of s. 4(1) the detenu is being detained.

Setelah diteliti Perintah Kedua berkenaan dengan pemohon kedua, adalah jelas bahawa perintah tahanan itu dibuat atas alasan dalam cabang yang kedua. Walaupun alasan itu ditulis dalam dua perenggan, namun itu tidak mengubah hakikat bahawa alasan yang digunakan ialah alasan yang bertujuan untuk menangani keganasan.

Oleh yang demikian, walaupun dalam Perintah Kedua alasan mengapa perintah itu dibuat menyebut "menghapuskan kekerasan" DAN "mencegah jenayah melibatkan kekerasan", tiada apa-apa yang mengelirukan atau tidak jelas wujud dalam alasan bagi pembuatan Perintah Kedua.

Responden Pertama Telah gagal Mengarahkan Mindanya

Saya telah meneliti afidavit yang difailkan oleh Y.B. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkaitan dengan Perintah Kedua. Afidavit Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri telah dengan jelas mengatakan bahawa:

> 6. Daripada laporan lengkap penyiasatan yang berkaitan dengan aktiviti pemohon yang telah saya terima mengenai tangkapan dan penahanan pemohon, saya telah berpuas hati bahawa pemohon adalah seorang Ahli geng 24 (India) yang bergerak aktif di kawasan Pendamaran, Klang Selangor dan sering melakukan kegiatan jenayah yang berunsurkan kekerasan dan adalah perlu supaya Pemohon ditahan dengan tujuan hendak menghapuskan kekerasan dan mencegah jenayah yang melibatkan kekerasan ...

YB Timbalan Menteri itu seterusnya menyatakan, dalam perenggan 8 afidavitnya, bahawa:

> ... saya telah mengarahkan diri saya sepenuhnya terhadap laporan lengkap bertulis penyiasatan yang dikemukakan oleh pihak polis dan saya juga telah menimbangkan dengan penuh teliti laporan penyiasatan tersebut. Selanjutnya saya sesungguhnya menyatakan bahawa berdasarkan laporan lengkap penyiasatan tersebut terdapat keterangan-keterangan yang menunjukkan pemohon terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang dipertuduhkan ke atas beliau...

Dalam perenggan 5 afidavitnya pula, Y.B. Timbalan Menteri yang berkenaan mengatakan bahawa walaupun pemohon telah pernah ditangkap dan ditahan di bawah ordinan dan kemudiannya dibebaskan oleh mahkamah, fakta itu "tidak menjejaskan kepuashatian subjektif saya apabila membuat perintah tahanan yang baru di bawah s. 4(1) Ordinan tersebut atas pengataan-pengataan fakta yang sama yang terkandung dalam perintah tahanan yang telah dibuat ke atas pemohon sebelumnya".

Oleh yang demikian, saya berpuas hati bahawa Y.B. Timbalan Menteri yang berkenaan telah mengarahkan mindanya tentang alasan dan kewajaran Perintah Kedua terhadap pemohon.

Kuasa pegawai yang mengeluarkan Lampiran "E"

Dalam notis usulnya pemohon kedua mempertikaikan kuasa pegawai yang menandatangani pernyataan tentang alasan-bagi pembuatan Perintah Kedua itu

untuk menyediakan pernyataan itu. Pernyataan itu dirujuk sebagai 'Lampiran "E", dan ditandatangani oleh pegawai yang berkenaan, Encik Nazree bin Mohamad, pada 7 Oktober 2004.

Menurut pemohon kedua dalam afidavit sokongannya, pengeluaran Lampiran "E" itu oleh Encik Nazree bin Mohamad, yang merupakan Penolong Setiausaha Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, adalah bercanggah dengan peruntukan perenggan 5(2)(b) Ordinan, yang menyebut bahawa pernyataan bertulis alasan penahanannya dan pengataan fakta yang berdasarkannya perintah tahanan dibuat hendaklah diberikan kepada orang yang ditahan oleh menteri.

Menurut sub-s. 6(1) Akta Perwakilan Kuasa 1956 [Akta 358]:

> 6. (1) Subject to section 11 and of any written law expressly to the contrary all acts, orders or directions which could lawfully be done or given, in the exercise of any power or in the performance of any duty conferred or imposed by any written law, by a Minister or the Chief Minister of a State may, subject to any directions given by him be validly and effectually done or given on his behalf and in his name by any officer under his administrative control and expressly or impliedly authorised by him generally or specially thereto or in the case of a Minister be done or given on his behalf and in his name by a Deputy Minister.

Dalam hal Perintah Kedua, afidavit Y.B. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkaitan dengan alasan-alasan dan pengataaan-pengataan yang berdasarkannya beliau membuat Perintah Kedua itu (yakni yang dirujuk sebagai Lampiran "E" oleh Pemohon) telah disediakan, atas arahan beliau, oleh Encik Nazree bin Mohamad, iaitu salah seorang pegawai beliau. Menurut perenggan 7 afidavit Y.B. Timbalan Menteri itu:

> 7. Di atas arahan saya, pegawai saya bernama Nazree Bin Mohamad telah menyediakan alasan-alasan yang atasnya saya membuat perintah tahanan tersebut dan pengataan-pengataan fakta yang di atasnya perintah tersebut diasaskan. salinan alasan-alasan dan pengataan-pengataan fakta tersebut adalah sepertimana yang dilampirkan dan ditandakan sebagai ekshibit "SSM-4" di dalam afidavit pemohon. Saya sesungguhnya percaya bahawa alasan-alasan dan pengataan-pengataan fakta tersebut telah diterangkan dan diserahkan kepada pemohon pada tarikh yang sama perintah tahanan tersebut diserahkan kepada beliau.

Afidavit Encik Nazree bin Mohamad yang diikrarkan pada 2 Mac 2005 mengesahkan bahawa arahan seperti yang disebut di atas telah diberikan kepadanya dan sudah dipatuhinya. Ekshibit SSM-4 dalam afidavit pemohon kedua seperti yang dirujuk oleh Y.B. Timbalan Menteri dan Encik Nazree jelas menunjukkan bahawa Encik Nazree telah menandatangani apa yang disebut 'Lampiran "E'' itu atas arahan Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri.

Jelaslah bahawa Encik Nazree telah diberi kuasa dengan sewajarnya untuk menyediakan "Lampiran "E" itu.

Oleh yang demikian, kehendak supaya orang yang ditahan diberitahu tentang alasan dan pengataan fakta yang berdasarkannya perintah tahanan dibuat sudahpun dipatuhi apabila Timbalan Menteri yang berkenaan mengarahkan pegawainya, di bawah sub-s. 6(1) Akta 358, untuk berbuat demikian.

Dalam afidavit sokongannya, Pemohon juga membangkitkan isu bahawa tarikh pada Lampiran 'E' itu ialah tarikh yang sama dengan tarikh Perintah Kedua itu sendiri.

Subseksyen 5(2) Ordinan menghendaki supaya pernyataan bertulis tentang alasan dan pengataan fakta yang berdasarkannya perintah tahanan dibuat diserahkan kepada orang yang ditahan pada masa perintah tahanan disampaikan kepada orang itu. Maka tidak syak lagi alasan dan pengataan fakta itu perlu disediakan sama ada pada masa yang sama dengan perintah tahanan itu atau sebaik perintah tahanan itu dibuat, tetapi sebelum disampaikan kepada orang yang ditahan. Jika tidak maka tidak mungkin alasan dan pengataan fakta itu akan dapat diserahkan kepada orang yang ditahan pada masa yang sama dengan penyampaian perintah tahanan.

Oleh itu, tidaklah salah bagi alasan pengataan fakta itu mempunyai tarikh yang sama dengan tarikh perintah tahanan.

Pegawai Yang Dipertanggungjawabkan ("Designated Officer") Gagal Mengarahkan mindanya Terhadap Laporan Tangkapan Sebelum Diserahkan Kepada Responden Pertama.

Alasan pemohon kedua yang seterusnya ialah bahawa pegawai yang dipertanggungjawabkan ("designated officer") untuk menyerahkan laporan tangkapan pemohon kedua kepada responden pertama telah gagal untuk mengarahkan mindanya terhadap laporan tangkapan tersebut sebelum diserahkan kepada responden pertama.

Mengikut afidavit Inspektor Hairmi bin Miskon, yang diikrarkan pada 10 Januari 2005, beliau telah menangkap pemohon kedua pada 23 September 2004 jam lebih kurang 8.25mlm kerana mempercayai bahawa ada alasan yang mematutkan pemohon kedua ditahan di bawah sub-s. 4(1) Ordinan. Pada 24 September 2004, jam 4.15ptg, beliau telah mengeluarkan kebenaran (di bawah perenggan (a) proviso kepada sub-s. 3(3) Ordinan) untuk menahan pemohon kedua selama 24 jam lagi kerana siasatan terhadap pemohon ledua tidak dapat disempurnakan dalam masa 24 jam yang pertama.

ASP Mohd Hafiz bin Ya'acob dalam afidavitnya yang diikrarkan pada 10 Jun 2005 pula mengatakan bahawa pada 25 September 2004, jam 3.25ptg, beliau telah membenarkan tempoh tahanan pemohon kedua dilanjutkan selama 28 hari lagi di bawah perenggan (b) proviso kepada sub-s. 3(3) Ordinan kerana siasatan terhadap pemohon kedua tidak dapat disempurnakan dalam masa 48 jam yang pertama. Walau bagaimanapun, sebelum tempoh 28 hari itu berakhir, pemohon kedua telah ditahan mengikut Perintah Kedua pada 8 Oktober 2004.

Mengikut Cif Inspektor Safuan bin Hj. Md. Noor, dalam afidavitnya yang diikrarkan pada 10 Januari 2005, beliau telah menyerahkan Perintah Kedua kepada pemohon kedua serta alasan dan pengataan fakta yang berdasarkannya Perintah Kedua itu dibuat kepada pemohon kedua pada 8 Oktober 2004, jam 4.05ptg. Isi kandungan Perintah Kedua dan alasan serta pengataan fakta itu telah diterangkan kepada beliau dalam Bahasa Malaysia kepada pemohon kedua dan diterjemahkan oleh Lans Koperal Ramachandran A/L Ponnan.

Nyatalah proses penahanan pemohon kedua di bawah Perintah Kedua ini tidak melibatkan penahanan dalam jagaan polis yang melebihi 30 hari dan oleh yang demikian, bagi penangkapan dan penahanan pemohon kedua itu oleh pihak polis, peruntukan dalam perenggan (c) proviso kepada sub-s. 3(3) Ordinan tidaklah terpakai. Peruntukan itu melarang penahanan seseorang dalam jagaan polis melebihi tempoh 30 hari melainkan jika seorang pegawai polis yang berpangkat Timbalan Penguasa ("Deputy Superintendent") atau lebih tinggi telah melaporkan hal keadaan penangkapan dan penahanan itu kepada Ketua Polis Negara atau seorang pegawai yang ditetapkan ("designated") oleh Ketua Polis Negara bagi maksud itu.

Oleh sebab perkara penangkapan dan penahanan itu tidak pun sampai kepada pengetahuan seseorang pegawai yang ditetapkan, maka tidak timbul isu pegawai itu tidak mengarahkan mindanya.

Dalam kes *Mohamed Ezam bin Mohd Noor v. Ketua Polis Negara* yang dirujuk di atas, Y.A.A. Steve Shim, HB (Sabah dan Sarawak), telah membezakan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dengan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ["Akta 316"] yang mempunyai tatacara yang berbeza yang perlu diikuti oleh Menteri sebelum membuat perintah tahanan. Oleh sebab:

(a) dalam Ordinan tidak terdapat tatacara seperti yang diperuntukkan dalam Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 itu;

(b) kuasa Menteri dalam sub-s. 4(1) merupakan kuasa budi bicara yang serupa seperti kuasa budi bicara dalam sub-s. 8(1) Akta 82 1960; dan

(c) peruntukan sub-s. 73(1) Akta 82 adalah serupa dengan sub-s. 3(1) Ordinan,

maka saya berpendapat bahawa apa yang dikatakan oleh Y.A.A. Steve Shim HB (Sabah dan Sarawak) dalam kes *Ezam* itu tentang kuasa Menteri di bawah sub-s. 8(1) Akta 82 terpakai juga dalam hal kuasa Menteri di bawah sub-s. 4(1) Ordinan.

Selepas membincangkan perbezaan Akta 82 dengan Akta 316, Y.A.A. Steve Shim HB (Sabah dan Sarawak) telah berkata, di m.s. 337:

> Examined in the context stated, it must mean that although ss. 73(1) and 8 are connected, they can nevertheless operate quite independently of each other under certain circumstances. Section 8 is not necessarily dependent on s. 73(1) and *vice versa.*

Oleh sebab Menteri boleh menggunakan apa-apa jua maklumat yang dapat diperolehnya untuk menentukan sama ada terdapat alasan untuk menahan seseorang di bawah sub-s. 4(1), maka tidaklah relevan identiti dan kepuasan hati atau pengarahan minda orang yang mengemukakan laporan lengkap polis yang telah digunakan oleh Y.B. Timbalan Menteri dalam membuat keputusan untuk mengeluarkan Perintah Kedua itu. Tidak juga relevan hakikat bahawa laporan polis yang digunakan oleh beliau dalam membuat keputusan itu mungkin laporan yang sama dengan yang dikemukakan kepada Timbalan Menteri yang membuat Perintah Pertama. Yang relevan hanyalah kepuasan hati Timbalan Menteri itu sendiri bahawa terdapat alasan yang wajar di bawah sub-s. 4(1) Ordinan untuk membuat Perintah Kedua terhadap pemohon kedua dan pemohon yang empat lagi. Seperti yang dinyatakan di atas, kepuasan hati ini sudahpun dijelaskan oleh Y.B. Timbalan Menteri dalam afidavitnya.

Pelanggaran hak-hak dalam Perlembagaan Persekutuan dan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969

Dalam afidavit sokongannya, pemohon kedua menyenaraikan pelanggaran hak yang dikatakannya berlaku berkaitan dengan Perintah Kedua terhadapnya.

Katanya:

(a) telah tidak diserahkan kepadanya dokumen yang betul dan mencukupi mengikut Ordinan dan mengikut Perlembagaan Persekutuan

(b) dia tidak diberitahu sebab dia ditahan dan siapa yang memberi kuasa untuk penahanan dibuat

(c) terdapat pelanggaran ss. 3, 5, 6, dan 7 Ordinan

(d) Perkara 5(1) 5(3) dan 151 Perlembagaan Persekutuan telah tidak dipatuhi

(e) Perkara 5(4) Perlembagaan Persekutuan tidak dipatuhi kerana beliau tidak dibawa ke hadapan Majistret apabila ditangkap dan ditahan.

Penyerahan Dokumen Yang Cukup Dan Betul

Apabila perintah tahanan dibuat terhadap seseorang di bawah sub-s. 4(1) Ordinan, maka menurut sub-s. 5(1) Ordinan, satu salinan perintah itu hendaklah diserahkan kepada orang itu dengan seberapa segera yang mungkin selepas dibuat.

Perenggan (a) Fasal (1) Perkara 151 Perlembagaan Persekutuan, menghendaki pihak berkuasa yang menurut perintahnya seseorang ditahan di bawah undang-undang tentang tahanan pencegahan memberitahu dengan seberapa segera yang mungkin orang yang ditahan alasan bagi penahanannya dan pengataan fakta yang menjadi asas bagi perintah tahanan itu. Ini jugalah kehendak dalam perenggan 4(4)(a) dan (b) Ordinan.

Perenggan (a) Fasal (1) Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan juga menghendaki pihak yang menurut perintahnya seseorang itu ditahan memberi orang itu peluang untuk membuat representasi terhadap perintah itu kepada lembaga penasihat yang diwujudkan mengikut Fasal (2) Perkara 151 itu. Bagi maksud pembuatan representasi itu, sub-s. 5(2) Ordinan menghendaki supaya pada masa perintah tahanan disampaikan kepada orang yang ditahan itu, dia hendaklah diberitahu tentang haknya untuk membuat representasi sedemikian serta diserahkan kepadanya pernyataan bertulis yang mengandungi alasan yang berdasarkannya perintah tahanan itu dibuat, pengataan fakta yang menjadi asas perintah tahanan itu dan apa-apa butir lain, jika ada, yang pada pendapat menteri akan secara munasabah diperlukan oleh orang yang ditahan itu untuk membuat representasi terhadap perintah tahanan itu.

Menurut perenggan 3(1) Kaedah-Kaedah Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah (Acara) 1972 ["Kaedah-Kaedah"] yang dibuat di bawah sub-s. 5(3) Ordinan, apabila seseorang dibawa ke tempat tahanan mengikut suatu perintah tahanan, pegawai penjaga tempat tahanan itu mestilah memberitahu orang tahanan itu tentang haknya untuk membuat rayuan (representasi) dalam masa dan mengikut cara yang diperuntukkan dalam Kaedah-Kaedah itu. Pegawai penjaga itu juga diwajibkan memberi orang tahanan itu 2 salinan Borang I dalam jadual kepada Kaedah-Kaedah (tiga salinan jika orang itu menyatakan dia hendak mengambil khidmat peguam untuk mewakilinya).

Jika orang tahanan itu membuat representasi dalam Borang I, maka pegawai penjaga itu dikehendaki supaya menghantar representasi itu kepada setiausaha lembaga penasihat.

Sebagaimana yang dinyatakan di atas, Cif Inspektor Safuan bin Hj. Md. Noor, dalam afidavitnya mengatakan bahawa beliau telah menyerahkan Perintah Kedua kepada pemohon kedua serta alasan dan pengataan fakta yang berdasarkannya Perintah Kedua itu dibuat kepada pemohon kedua pada 8 Oktober 2004, jam 4.05ptg. Isi kandungan Perintah Kedua dan alasan serta pengataan fakta itu telah diterangkan oleh beliau dalam bahasa Malaysia kepada pemohon kedua dan diterjemahkan oleh Lans Koperal Ramachandran Ponnan. Ini disokong oleh Lans Koperal Ramachandran dalam afidavitnya yang diikrarkan pada 10 Januari 2005. Menurut Lans Koperal Ramachandran, sebelum menterjemahkan penerangan Cif Inspektor Safuan tentang alasan dan pengataan fakta itu, beliau telah bertanya kepada pemohon kedua tentang bahasa yang fasih digunakan oleh pemohon kedua dan pemohon kedua menyatakan bahawa dia fasih berbahasa Tamil.

Selain itu, Cif Inspektor Safuan juga mengatakan bahawa beliau telah memberitahu pemohon kedua dalam bahasa Malaysia tentang hak pemohon kedua untuk membuat representasi kepada Lembaga Penasihat menurut perenggan 5(2)(a) Ordinan dan apa yang diberitahukannya itu telah diterjemahkan dalam bahasa Tamil oleh Lans Koperal Ramachandran. Cif Inspektor Safuan telah juga menyerahkan notis kepada pemohon kedua tentang hak pemohon kedua untuk membuat representasi kepada Lembaga Penasihat.

Mengikut afidavit yang diikrarkan pada 2 Mac 2005 oleh Encik Ramachandran a/l P. Chattapan, iaitu Penguasa Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam pada masa yang material, pemohon kedua telah dibawa masuk ke Pusat itu pada 9 Oktober 2004. Pada 11 Oktober 2004, beliau telah menjelaskan, menerangkan dan mengingatkan pemohon kedua tentang haknya untuk membuat representasi dan haknya untuk mendapatkan khidmat peguam bagi maksud itu. Beliau juga telah menerangkan kandungan perintah tahanan terhadap pemohon kedua dan alasan serta pengataan fakta yang berdasarkannya perintah itu dibuat. Semuanya itu dilakukan dalam bahasa Melayu yang mudah difaham. Kemudian, terjemahan penerangan itu dalam bahasa Tamil telah dibuat oleh jurubahasa, Encik Rajendran a/l Murugan & Ramu.

Encik Ramachandran juga mengatakan bahawa selepas itu beliau telah menyerahkan tiga salinan Borang I dalam Jadual kepada Kaedah-Kaedah kepada pemohon kedua. Pada hari yang sama, iaitu 11 Oktober 2004, pemohon kedua telah menyerahkan dua salinan Borang I itu yang telah diisi dan ditandatangani oleh pemohon. Dua salinan borang itu telah dihantar melalui pos oleh Encik Ramachandran kepada Lembaga Penasihat pada 12 Oktober 2004.

Setelah meneliti afidavit Cif Inspektor Safuan dan Lans Koperal Ramachandran, serta afidavit Encik Ramachandran dan Encik Rajendran, yang semuanyan tidak dicabar oleh pemohon kedua, saya berpuas hati bahawa kehendak dalam

perenggan (a) Fasal (1) Perkara 151 Perlembagaan Persekutuan, perenggan 4(4)(a) dan (b) serta sub-s. 5(2) Ordinan, dan perenggan 3(1) hingga (4) Kaedah-Kaedah telah dipatuhi.

Tidak Diberitahu Sebab Ditahan Dan Siapa Yang Memberi Kuasa Untuk Penahanan

Setelah meneliti afidavit Cif Inspektor Safuan, Lans Koperal Ramachandran, Encik Ramachandran dan Encik Rajendran yang disebut di atas, serta salinan perintah tahanan dan alasan dan pengataan fakta yang berdasarkannya perintah itu dibuat yang ditunjukkan dalam afidavit Cik Inspektor Safuan, saya berpuas hati bahawa pemohon kedua telahpun diberitahu sebab dia ditahan dan siapa yang memberi kuasa untuk penahanannya dibuat.

Pelanggaran ss. 3, 5, 6, dan 7 Ordinan

Seksyen 3 Ordinan

Seksyen 3 Ordinan merupakan peruntukan yang membenarkan seseorang ditangkap dan ditahan dalam jagaan polis selama tempoh yang tidak melebihi 60 hari jika disyaki ada alasan yang akan mewajarkan penahanan orang itu di bawah sub-s. 4(1) Ordinan.

Mahkamah Persekutuan dalam kes *Kerajaan Malaysia v. Nasharuddin Nasir* yang telah dirujuk sebelum ini telah membincangkan isu sama ada kesahan atau sebaliknya sesuatu penahanan di bawah s. 8 Akta 82 bergantung pada kesahan penahanan di bawah s. 73 Akta itu. Y.A.A. Steve Shim HB (Sabah dan Sarawak), walaupun tidak secara nyata mengatakan bahawa kesahan penahanan di bawah s. 8 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 tidak bergantung pada kesahan penahanan di bawah s. 73 Akta itu, jelas membayangkan bahawa tiada pergantungan sedemikian. Ujian yang perlu digunakan bagi memutuskan sama ada penahanan di bawah perintah Menteri (dalam hal kes *Nasharuddin* itu, di bawah s. 8 Akta) ialah "that the Minister, on the basis of the report submitted to him, was satisfied that the activities of the respondent were a threat to the security of the country. Whether or not the allegations in the said report on which the s. 8 detention was based".

Ertinya, apabila seseorang ditahan mengikut perintah menteri di bawah s. 8 itu, apa-apa ketidakpatuhan atau kekurangan yang wujud sebelum perintah itu tidaklah relevan dalam permohonan *habeas corpus* bagi pelepasannnya daripada tahanan atas perintah oleh Menteri itu.

Namun, jika sekiranya saya silap tentang maksud penghakiman Y.A.A. Steve Shim HB (Sabah dan Sarawak) berkaitan dengan isu kebergantungan s. 8 pada s. 73 Akta 82, saya berpuas hati bahawa dalam hal penahanan pemohon-pemohon, jelas daripada afidavit Inspektor Hairmi bin Miskon dan afidavit ASP

Mohd Hafiz bin Ya'acob seperti yang dinyatakan dalam perenggan 60 dan 61 di atas bahawa syarat dalam perenggan (d) dan (b) proviso kepada sub-s. 3(3) Ordinan bagi penahanan pemohon kedua yang melebihi 24 jam telah dipatuhi.

Seksyen 5 Ordinan

Sudah juga dibincangkan dalam perenggan 74, 75, 76 dan 77 di atas isu pematuhan s. 5 Ordinan. Jelas bahawa salinan perintah serta alasan dan pengataan fakta yang diperlukan di bawah seksyen itu telah diserahkan kepada pemohon kedua, dan pemohon kedua sudah diberitahu tentang haknya untuk membuat representasi dan borang I yang diperlukan untuk membuat representasi itu sudah diserahkan kepadanya dan sudahpun dikemukakan oleh Penguasa Pusat Tahanan yang berkenaan kepada Lembaga Penasihat.

Seksyen 6 Ordinan

Seksyen 6 Ordinan menghendaki Lembaga Penasihat menimbangkan representasi daripada mana-mana orang tahanan dan membuat syor kepada Yang di-Pertuan Agong mengenainya dalam masa tiga bulan dari tarikh representasi diterima oleh Lembaga itu. Ini sebenarnya merupakan kehendak yang diperuntukkan dalam perenggan (b) Fasal (1) Perkara 151 Perlembagaan.

Menurut afidavit yang diikrarkan pada 25 Februari 2005 oleh Encik Khalid bin Ahmad, Setiausaha kepada Lembaga Penasihat pada masa yang material, dua salinan representasi pemohon kedua telah diterima oleh Lembaga itu melalui pos pada 22 Oktober 2004. Dalam salinan Borang I yang mengandungi representasi itu (seperti yang ditunjukkan dalam eks. KA-1 dalam afidavit Encik Khalid), pemohon mengatakan mahu diwakili oleh peguam. Bagaimanapun nama peguam tidak dinyatakan.

Notis bertarikh 2 Disember 2004, iaitu mengikut Borang II dalam jadual kepada Kaedah-Kaedah, tentang pendengaran representasi itu telah dihantar oleh Pengerusi Lembaga Penasihat kepada pemohon kedua. Notis itu memaklumkan bahawa Lembaga Penasihat telah menetapkan tarikh 14 Disember 2004 untuk Lembaga itu mendengar representasi pemohon kedua. Mengikut satu salinan Notis itu yang ditunjukkan dalam afidavit Encik Khalid sebagai eks. "KA-2", Notis itu telah diserahkan dan dijelaskan kepada pemohon kedua oleh Encik Rajendran a/l Murugan @ Ramu pada 9 Disember 2004. Dalam notis itu, nama peguam pemohon kedua ada dinyatakan tetapi alamatnya tidak disebut. Penyampaian notis itu merupakan kehendak dalam perenggan 5(1) Kaedah-Kaedah.

Mengikut afidavit Encik Khalid, representasi pemohon kedua telah didengar oleh Lembaga Penasihat pada 14 Disember 2004, jam 9.30pg dengan kehadiran pemohon kedua sendiri. Hak pemohon dan peguamnya untuk hadir di Lembaga Penasihat pada pendengaran representasinya ada diperkatakan dalam perenggan 5(2) Kaedah-Kaedah.

Pada 30 Disember 2004, iaitu dua bulan tujuh hari (67 hari) selepas representasi pemohon kedua diterima, Lembaga Penasihat telah mengemukakan laporan bertulis dan syor mengenai representasi pemohon kedua kepada Yang di-Pertuan Agong dan baginda telah mengesahkan Perintah Kedua terhadap pemohon kedua.

Oleh yang demikian, saya berpuas hati bahawa kehendak dalam perenggan (b) Fasal (1) Perkara 151 Perlembagaan, s. 6 Ordinan serta perenggan 5(1) dan 5(2) Kaedah-Kaedah telah dipatuhi.

Seksyen 7 Ordinan

Seksyen 7 Ordinan merupakan peruntukan yang memberi kuasa kepada Lembaga Penasihat untuk mengkaji semula setiap perintah tahanan dari semasa ke semasa "at the discretion of the chairman thereof".

Oleh sebab kuasa itu merupakan kuasa budi bicara yang mutlak, maka ketiadaan kajian semula sedemikian tidaklah boleh menjadi asas untuk mempertikaikan keberterusan sesuatu perintah tahanan.

Perkara 5(1) 5(3), 5(4) Dan 151 Perlembagaan Persekutuan Telah Tidak Dipatuhi

Perkara 151 Perlembagaan

Kehendak dalam Perkara 151 Perlembagaan Persekutuan sudah dibincangkan di atas dan didapati sudah dipatuhi.

Perkara 5(1) Perlembagaan

Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan melarang diambil nyawa atau kebebasan diri seseorang kecuali mengikut undang-undang.

Berdasarkan takrif "undang-undang" atau "law" dalam Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan, Ordinan ialah suatu undang-undang. Ordinan telah dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong menurut kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh Fasal (2) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan. (kuasa itu sekarang terkandung dalam Perkara 150(26), selepas Perkara 150 itu dipinda melalui Akta Perlembagaan (Pindaan) 1981 [Akta A514]).

Oleh itu, selaras dengan kekecualian yang diperuntukkan dalam Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan, apa-apa penahanan yang dilakukan dengan mengikut peruntukan Ordinan tidak terhalang oleh peruntukan Perkara 5(1) itu.

Perkara 5(3) Perlembagaan

Perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan menghendaki supaya seseorang yang ditangkap diberitahu dengan seberapa segera yang mungkin tentang alasan bagi penangkapannya dan hendaklah dibenarkan untuk berunding dengan dan diwakili oleh pengamal undang-undang yang dipilih olehnya.

Pemberitahuan Alasan Penangkapan

Inspektor Hairmi bin Miskon dalam afidavitnya telah mengatakan bahawa sebaik selepas menangkap pemohon kedua, beliau telah menerangkan kepada pemohon kedua secara lisan dalam bahasa Malaysia dan diterjemahkan ke dalam bahasa Tamil oleh Lans Koperal Ramachandran a/l Ponnan sebab-sebab pemohon kedua ditangkap. Satu salinan notis tentang sebab-sebab tangkapan itu (seperti dalam eks. HM-2 kepada afidavit Inspektor Hairmi) telah juga disampaikan kepada pemohon pada masa tangkapan dibuat dan telah diterangkan dalam bahasa Tamil kepada pemohon kedua oleh Lans Koperal Ramachandran a/l Ponnan.

Dalam kes *Kam Teck Soon v. Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors and Other Appeals* [2003] 1 CLJ 225, yang dikemukakan dalam ikatan autoriti responden, Y.A.A. Ahmad Fairuz HB(Malaya) (ketika itu) semasa menyampaikan keputusan Mahkamah Persekutuan telah berkata di m.s. 235 bahawa:

> In the light of art. 150(2) and (6) of the Constitution, s. 3(1) of the Ordinance clearly cannot be contended to be invalid just because it is inconsistent with art. 5(3) of the Constitution. ... I am of the view that if s. 3(1) is inconsistent with art. 5(3) then s. 3(1) must prevail over art. 5(3). This would save the arrest and detention which would have been unlawful because of violation of art. 5(3).

Fasal (2) Perkara 150 yang disebut oleh YAA itu ialah Fasal (2) yang wujud sebelum dipinda melalui Akta A514. Sebagaimana yang dikatakan di atas, kuasa untuk membuat Ordinan semasa darurat yang terkandung dalam Fasal (2) Perkara 150 semasa Ordinan diperbuat sekarang terkandung dalam Fasal 2B Perkara 150.

Seterusnya YAA itu telah berkata bahawa:

> Furthermore, s. 3(1) only requires the arresting officer to have 'reason to believe that there are grounds ...' It does not require the grounds to be informed to the arrested person. And even if it is so required because of art. 5(3) of the Constitution, I am of the view that what the arresting officer had informed the appellant was sufficient compliance with art. 5(3).
>
> If I am wrong in my view that what had been communicated to the appellant by the arresting officer is a sufficient compliance of art. 5(3) of the Constitution, then it is my opinion that art. 150(2) and (6) of the Constitution clearly show that the provisions of the Ordinance must prevail over the Constitution.

Berdasarkan keputusan dalam kes *Kam Teck Soon* itu, maka walaupun alasan tangkapan di bawah sub-s. 3(1) Ordinan tidak diberitahukan kepada orang yang ditahan, penahanannya selepas tangkapan itu masih sah. Dalam hal pemohon kedua, jelas bahawa walaupun sub-s. 3(1) Ordinan tidak memerlukan pemberitahuan sedemikian, dia telahpun diberitahu oleh Inspektor Hairmi tentang alasan bagi penangkapannya.

Hak Untuk Diwakili Oleh Peguam

Semasa membincangkan Perkara 5(3) Perlembagaan dalam kes *Kam Tech Soon*, Mahkamah Persekutuan tidak pula membincangkan cabang kedua Perkara 5(3) itu.

Sekiranya dikatakan bahawa oleh sebab sub-s 3(1) Ordinan tidak menghendaki alasan tangkapan dan penahanan di bawah subseksyen itu diberitahukan kepada orang yang ditangkap dan ditahan itu maka alasan itu tidak perlu diberitahukan dan itu tidak bertentangan dengan Perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan, maka saya berpendapat, sebagai lanjutan daripada itu, bahawa oleh sebab s. 3 Ordinan tidak memperuntukkan bahawa orang yang ditahan mesti diberi hak untuk berunding dengan dan diwakili oleh peguam pilihannya, maka dia tidak perlu diberi hak sedemikian dan penafian hak itu tidak bercanggah dengan cabang kedua Perkara 5(3) itu.

Dalam kes *Mohamed Ezam bin Mohd Noor*, Y.A. Siti Norma HMP (ketika itu) telah membincangkan peruntukan Perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan berkaitan dengan hak untuk diwakili oleh peguam. Beliau memutuskan bahawa undang-undang tentang tahanan pencegahan di bawah Perkara 149 masih tertakluk kepada peruntukan Perkara 5(3) tentang hak untuk diwakili peguam. Bagaimanapun, bagi menjawab persoalan sama ada *habeas corpus* boleh digunakan untuk membebaskan seseorang yang ditahan di bawah s. 73(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 kerana hak itu dinafikan, Y.A. Hakim itu berkata, (di m.s. 517) selepas merujuk kepada kes *Lee Man Seng v. Minister for Home Affairs, Singapore & Anor* [1971] 2 MLJ 137, *Ooi Ah Phua v. Officer-in-Charge of Criminal Investigation, Kedah/Perlis* [1975] 2 MLJ 198 dan *Sundar Singh v. Emperor* [1930] AIR Lahore 945, bahawa:

> The rationale for refusing *habeas corpus* in the three cases that I have cited seems to be this. A complaint by a person while under lawful detention that he has been refused access to counsel contrary to the second limb of art. 5(3) will not have the effect of rendering his detention unlawful and that *habeas corpus* is not the proper remedy.

Oleh yang demikian, tiada asas untuk mengatakan bahawa tangkapan dan penahanan pemohon kedua tidak sah kerana dia dinafikan haknya untuk berunding dengan dan diwakili oleh peguam.

Perkara 5(4) Perlembagaan

Perkara 5(4) Perlembagaan menghendaki supaya seseorang yang ditahan dan tidak dilepaskan dibawa ke hadapan majistret tanpa kelengahan yang tidak munasabah, dan walau bagaimana sekalipun dalam tempoh 24 jam tidak termasuk masa perjalanan yang perlu. Penahanan selepas itu hanya boleh dilakukan dengan kebenaran majistret.

Dalam hal tahanan pencegahan di bawah Ordinan, s. 3 Ordinan jelas membenarkan seseorang ditahan selama tidak lebih daripada 60 hari dalam jagaan polis tanpa perintah menteri di bawah sub-s. 4(1) Ordinan. Menteri pula boleh memerintahkan orang itu ditahan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun. Bererti peruntukan ordinan itu mengetepikan hak seseorang yang ditangkap untuk dibawa ke hadapan majistret dalam tempoh 24 jam.

Dalam kes *Chong Kim Loy v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Anor* [1990] 1 CLJ 61; [1990] 1 CLJ (Rep) 731 (yang dirujuk oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Kam Teck Soon*) YA Edgar Joseph Jr. HMT (ketika itu) semasa membincangkan sub-s. 3(2) Akta 316 dan hubungannya dengan Perkara 5(4) Perlembagaan Persekutuan telah berkata:

> Next, I accept that legislation under art. 149 against acts and crimes prejudicial to public order is not *ipso facto* inconsistent with the right conferred by art. 5(4) upon an arrested person to be produced, without unreasonable delay and, in any case, within 24 hours, before a magistrate and he shall not be further detained in custody without the magistrate's authority, but any such restriction must be clear in the legislation. ... However, the powers of preventive detention spelt out in Part II of the Act, in particular s. 3(2) appearing therein, do, in my opinion, make such restriction manifestly clear and is therefore valid notwithstanding that it is inconsistent with art. 5(4).

Dalam kes *Ezam* juga, Y.A. Dato' Siti Norma HMP (ketika itu) ada menyentuh isu kesahan penahanan seseorang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri tanpa dibawa ke hadapan majistret dalam tempoh 24 jam. Kata beliau di ms. 388-389 laporan kes itu:

> ... As an example, s. 73 of the ISA that allows detention for more than 24 hours without the order of a Magistrate contrary to art. 5(4) of the Constitution is valid by virtue of art. 149, where otherwise it would have been void as being inconsistent with art. 5(4).

Sub-s. 3(2) Akta 316 yang dibincangkan dalam kes *Chong Kim Loy v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Anor* oleh Y.A. Hakim Edgar Joseph Jr. seperti yang dirujuk di atas adalah serupa intipatinya dengan sub-s. 3(3) Ordinan (kecuali tempoh dalam perenggan (c) sub-s. 3(2) Akta itu

hanyalah 14 hari berbanding 30 hari dalam perenggan (c) sub-s. 3(3) Ordinan). Seksyen 73 Akta 82 yang dibincangkan oleh Y.A. Siti Norma HMP dalam kes *Ezam* di atas juga serupa intipatinya dengan s. 3 Ordinan.

Berkaitan dengan pengesahan peruntukan undang-undang yang dibuat di bawah Perkara 149 dan 150 Perlembagaan Persekutuan pula, Perkara 150(6) Perlembagaan Persekutuan lebih luas ruang lingkupnya berbanding Perkara 149(1) kerana Perkara 149(1) menyatakan bahawa "any provision of any law designed to stop or prevent that action is valid notwithstanding that it is inconsistent with any of the provisions of arts. 5, 9, 10 or 13" sedangkan Perkara 150(6) yang telah berkuat kuasa sejak 1963 (yakni sebelum Ordinan diperbuat) memperuntukkan bahawa "no provision of any ordinance promulgated under this article ... shall be invalid on the ground of inconsistency with any provision of this Constitution".

Oleh yang demikian, penahanan pemohon kedua di bawah s. 3 Ordinan dan seterusnya di bawah sub-s. 4(1) Ordinan tanpa dibawa ke hadapan majistret dan tanpa perintah oleh majistret tidaklah bercanggah dengan Perkara 5(4) Perlembagaan Persekutuan.

Kesimpulan

Setelah menimbangkan semua alasan bagi permohonan pemohon kedua dan kandungan afidavit sokongan yang dikemukakan bagi menyokong permohonan itu, saya berpuas hati bahawa Perintah Kedua telah dibuat mengikut kuasa yang sah dan tiada *mala fide* telah ditunjukkan. Saya juga berpuas hati bahawa tiada ketidakpatuhan tatacara yang diperuntukkan dalam ordinan telah berlaku dalam hal penahanan pemohon kedua di bawah Perintah Kedua. Jika telah berlaku apa-apa ketidakpatuhan dalam proses penahanan di bawah Perintah Pertama, jelaslah bahawa ketidakpatuhan itu tidak berulang dalam proses penahanan di bawah Perintah Kedua.

Oleh yang demikian, permohonan pemohon kedua telah ditolak. Selaras dengan persetujuan bahawa keputusan tentang permohonan pemohon kedua akan mengikat pemohon yang empat lagi, maka permohonan oleh pemohon yang empat lagi itu juga ditolak.